

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Mac 2021 12:21 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Virtual Internship' Pendekatan Baharu Atasi Isu Praktikum Luar Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 MAC 2021 / 4 SYAABAN 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Mohd Azrin Mohd Nasir dan Azlina Yahaman
Gambar oleh: CUIC

'VIRTUAL INTERNSHIP' PENDEKATAN BAHARU ATASI ISU PRAKTIKUM LUAR NEGARA



UUM ONLINE: Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah meninggalkan impak ke atas banyak sektor, malah angka jangkitan masih tidak menunjukkan penurunan menyebabkan banyak organisasi terkesan dan tidak dapat memberi penempatan kepada pelajar praktikum.

Situasi ini amat memberi cabaran kepada pihak Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) sebagai Penyelaras Hal Ehwal Praktikum universiti yang melibatkan lebih 3000 pelajar setiap semester. Rata-rata pelajar dilihat mempunyai kekangan untuk datang ke organisasi penempatan praktikum berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penutupan operasi organisasi penempatan dan pelbagai isu lain.

Walau bagaimanapun, ini tidak menyekat ruang dan peluang kepada tiga pelajar UUM yang telah mendapat penempatan praktikum di luar negara. Antaranya, pelajar Sarjana Muda Statistik Industri, Seng Fei Hong yang telah menjalani praktikum secara virtual di organisasi luar negara iaitu di East Lancashire Hospital, United Kingdom.

Menurut Fei Hong, dia sangat teruja kerana dapat menimba pengetahuan baru dalam analisis data melalui pakar luar negara dan bekerja dalam budaya kerja yang berbeza.

Katanya, walaupun bekerja secara maya, namun dia yakin dapat mengaplikasi segala yang dipelajari sepanjang di UUM dalam pengalaman berpaktikum ini.

Pengalaman itu turut dikongsikan pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (BBA), Bazirah Abd Ghafur yang terpilih untuk menjalani latihan industri di Syarikat GAO Tek Inc. secara maya.

Syarikat GAOTEK merupakan syarikat pembekal alatan teknologi yang beroperasi di Manhattan, New York, Amerika Syarikat.

“Peluang yang diberikan ini semestinya akan dimanfaatkan sebaiknya untuk menimba sebanyak ilmu mungkin sebagai satu nilai tambah dalam kerjaya saya,” katanya.

Kaori Kitamura juga berasa bernasib baik kerana terpilih dalam program ‘*virtual internship*’ di Syarikat Orange Media Singapore.

Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa itu berkata, dia telah melalui proses temuduga bagi proses pengambilan pelajar pelatih oleh syarikat tersebut.

Menurutnya, walaupun berasa gementar, namun dia tekad untuk menimba ilmu pemasaran digital di organisasi tersebut.

Sementara itu, Pengarah CUIC, Dr. Shahrina Othman berkata, praktikum secara atas talian atau maya ini dilihat sebagai satu langkah pertama kepada CUIC memperkenalkan program ‘*virtual internship*’ di era ‘*next normal*’ yang dapat membuka peluang kepada pelajar UUM bekerja di luar negara tanpa kehadiran secara fizikal.

Katanya, dalam usaha mengatasi isu praktikum akibat pandemik Covid-19 ini, CUIC seiring menyahut seruan UUM sebagai ‘*We Are Global*’ dengan berhasrat menjadikan program ‘*virtual internship*’ itu sebagai satu medium baru kepada pelajar untuk mendapat pengalaman di luar negara.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.